

22 DEC 1996

LEAD Mahathir-Peru

KESELAMATAN AHMAD MOKHTAR KEUTAMAAN: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Malaysia bersedia bersetuju terhadap sebarang penyelesaian yang akan diambil kerajaan Peru untuk menamatkan krisis tebusan di kediaman Duta Jepun di Lima asalkan keselamatan duta Malaysia Ahmad Mokhtar Selat terjamin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata kenyataan Presiden Alberto Fujimori hari ini bahawa kerajaannya tidak akan menggunakan kekerasan terhadap pemberontak jika mereka menyerahkan senjata dan membebaskan semua tebusan "mungkin satu cara untuk menyelesaikan krisis itu".

"Kita tidak boleh bagi macam-macam nasihat. Kita serah kepada kerajaan Peru untuk menyelesaikan masalah ini," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sekembalinya hari ini daripada lawatan rasmi empat hari ke India.

Ahmad Mokhtar adalah antara lebih 300 tebusan terdiri daripada beberapa duta asing dan pegawai kerajaan yang sedang ditahan di kediaman duta Jepun itu sejak malam Selasa lepas.

Sebelum itu, di Bangalore, India, Perdana Menteri melahirkan rasa kecewa kerana Duta Malaysia di Peru itu menjadi tebusan kumpulan pemberontak Peru untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya dengan kerajaan negara itu.

Malaysia tidak seharusnya dibabitkan kerana ia tidak pernah mencampuri urusan politik dalaman negara itu, katanya.

Gerombolan pemberontak Tupac Amaru Revolutionary Movement (MRTA) menahan tebusan itu ketika Duta Jepun mengadakan jamuan sempena ulang tahun keputeraan Maharaja Jepun.

Semalam, kumpulan gerila itu membebaskan 38 lagi tebusan. Sebelum itu, mereka membebaskan lebih 100 tebusan sejak penahanan itu.

Fujimori dalam kenyataannya yang disiarkan menerusi televisyen dan radio Peru juga tidak menolak kemungkinan membebaskan tebusan itu dengan menggunakan senjata. Beliau bagaimanapun sanggup mencari penyelesaian secara aman untuk menyelesaikan krisis itu.

Sebelum itu, pemberontak berjanji akan membebaskan secara berperingkat semua tebusan yang tidak mempunyai hubungan dengan kerajaan Peru.

Dr Mahathir Rabu lepas berkata beliau agak pasti bahawa kerajaan Peru dapat menyelesaikan krisis itu.

Duta Malaysia ke Brazil Datuk Zainal Abidin Zain kini berada di Lima untuk mengambil alih sementara pengurusan kedutaan Malaysia. Seorang pegawai tambahan dari kedutaan Malaysia di Santiago juga dihantar ke ibu negara Peru itu untuk mengukuhkan pejabat Lima.

-- BERNAMA

ES AHH